

# Telefon bimbit dijadikan status sosial

KUALA LUMPUR - Gaya hidup rakyat negara ini yang sering bertukar telefon pintar merupakan tingkah laku pengguna tidak rasional walaupun mereka sedar perlu membelanjakan wang yang banyak untuk memenuhi kehendak tersebut.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Norulhuda Sarnon@Kusenin (gambar) berkata, lazimnya pengguna seperti itu akan 'mencipta' rasional untuk mengurangkan rasa ber-

salah dalam sesuatu pembelian.

Beliau berkata, rasional tersebut dicipta sebagai mekanisme pertahanan dengan alasan yang dapat diterima dan memuaskan hati sendiri seperti ingin mendapatkan imej lebih baik, telefon pintar itu lebih canggih atau reka bentuk unik.

"Jika seseorang pengguna lebih rasional, mereka tidak akan mudah menu-



kar telefon dalam masa yang singkat dan memikirkan keperluan lain untuk menukarnya.

"Sebaliknya bagi pengguna yang tidak rasional, mereka mengikut desakan dalaman diri untuk menukar telefon baharu walaupun terpaksa mengeluarkan wang yang banyak," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Dalam pada itu, seorang penasihat

kewangan, Harith Aiman Zilkifli, 28, berkata, dia memiliki dua buah telefon bimbit kerana untuk tujuan pekerjaan dan peribadi.

Katanya, dia terpaksa mengasingkan penggunaan telefon untuk kerja dan peribadi kerana turut menjalankan perniagaan kecil-kecilan secara online.

"Susah kalau saya hanya ada satu telefon sahaja sebab ada juga pelanggan yang kadangkala membuat panggilan telefon atau menghantar WhatsApp lewat malam," katanya.